

08 MAR 2002

Mahathir-Jahat

PAS LAKUKAN TUDUHAN JAHAT SAMAKAN UMNO DENGAN YAHUDI DAN KOMUNIS

JITRA, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS telah melemparkan satu tuduhan yang jahat apabila menyamakan Umno dengan Yahudi dan Komunis.

Presiden Umno itu berkata tuduhan berkenaan adalah satu perbuatan pengkhianat sama seperti mereka yang menuduh orang Islam lain murtad tanpa usul periksa.

"Baru-baru ini PAS telah membuat tuduhan kononnya Umno sama seperti Yahudi dan Komunis. Tuduhan itu amat jahat," katanya semasa berucap pada majlis perhimpunan anggota Barisan Nasional (BN) kawasan Parlimen Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu berkata tuduhan yang dilemparkan itu adalah cara kotor yang dilakukan oleh PAS demi kepentingan politik mereka.

"Mereka sanggup melemparkan pelbagai tuduhan yang bukan-bukan terhadap orang Islam lain yang tidak menyokong parti mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata sememangnya sejak dahulu lagi PAS sering melemparkan pelbagai fitnah terhadap kerajaan dan Umno dengan matlamat untuk meraih sokongan rakyat dan menimbulkan kebencian orang ramai terhadap parti memerintah dan kerajaan.

Katanya, kerana kepentingan politik juga, PAS telah sanggup melemparkan pelbagai fitnah terhadap Umno yang merupakan sebuah parti Melayu yang telah meninggikan syiar Islam serta membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata akibat fitnah-fitnah seperti itulah orang Melayu telah berpecah dan bermusuhan semasa sendiri, yang menyebabkan juga usaha memajukan orang Melayu tidak berjaya sepenuhnya.

"Hentikan fitnah kamu terutama di kalangan orang Islam kerana fitnah itu lebih bahaya dari membunuh," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata semasa beliau melawat Antartika bulan lepas, ada pihak telah menyebarkan fitnah kononnya beliau telah membelanjakan wang kerajaan sebanyak RM3 juta untuk lawatan ke tempat tersejuk di dunia itu.

Katanya, beliau tidak membelanjakan sehingga sebanyak itu tambahan lagi perbelanjaan ke sana adalah menggunakan duit sendiri.

"Saya tidak belanja banyak itu, perbelanjaan saya adalah duit poket sendiri. Seperti pegawai kerajaan yang lain saya juga layak untuk mengambil cuti," katanya.

Perdana Menteri berkata orang-orang yang melemparkan fitnah itu tidak berasa segan mahupun malu walaupun mereka sebenarnya tidak mempunyai bukti dengan tuduhan mengatakan beliau telah membelanjakan RM3 juta itu.

"Orang-orang itu tidak segan membuat fitnah sedangkan mereka tidak mempunyai bukti asas tuduhan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur walaupun difitnah dengan pelbagai tuduhan, majoriti orang Melayu tetap menolak PAS.

-- BERNAMA

MZM MOZ